

**ANALISA PERKEMBANGAN DAN
KEARIFAN TEMPATAN: KARYA
FIQH MELAYU KLASIK**

**Analysis of Development and Local Wisdom
Classical Malay Fiqh Works**

Mohd Puaad Abdul Malik*
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid**
Rahimin Affandi Abd Rahim***

ABSTRACT

This article focusses on the subject of classical Malay fiqh works which are intellectual works of Malay Muslim scholars in various Islamic legal topics whether 'ibadāt, mu'āmalāt, munākaḥāt and others. These works play important roles in the Malay community as a means of communication, knowledge, and scientific development. This article analyzes the historical development of classical Malay fiqh works to present the concept of local wisdom based on Islamic Malay literature. The method of analysis used

-
- * Ph.D Candidate, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. puaadmalik@siswa.um.edu.my
- ** Senior Lecturer, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. faisal@um.edu.my
- *** Associate Professor, Department of Fiqh and usul Fiqh, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. faqir_ila_rabbih@um.edu.my

is historiography that examines the development of an idea. Facts obtained will be thoroughly screened using the Malay induction history approach. Discussion from the intellectual aspect shows that Malay fiqh works are the result of the Malay Muslim local wisdom. Those works are unique in their identity as a means of understanding and developing knowledge in the Malay world. They also brought a dynamic change to intellectual development in the Malay world and in conformity with the teachings and practice of Islam. They are also not stereotype in nature but high in value and quality.

Keywords: *Malay fiqh works, Malay world, Islam, Malay society*

PENDAHULUAN

Tempoh semenjak abad ke-17 hingga awal abad ke-19 banyak melahirkan asas-asas intelektualiti yang cemerlang melalui pelbagai karya yang tahan zaman.¹ Kebanyakan karya-karya ini belum dikaji secara menyeluruh dan diteliti, baik dalam lingkungan sejarah dunia Melayu mahupun dalam dinamika wacana intelektual. Berasaskan kepada kenyataan di atas, permis penulisan ini akan menerokai perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik. Asas kajian ini adalah meneliti ciri dan idea penulisan serta kearifan tempatan dalam karya fiqh Melayu yang digarap oleh pengarang karya fiqh mengikut corak dan pola penulisan Melayu klasik. Justeru, dalam meneliti eksplorasi dan

¹ Antara contoh penulisan yang boleh nyatakan seperti penulisan oleh S.M. Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago* yang menjelaskan era Alam Melayu suatu era yang penting dalam sejarah perkembangan intelektual Islam di Alam Melayu; Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1996), 22; Abd. Jalil Borhan, "Sejarah Awal Penulisan dan Perlaksanaan Hukum Islam di Alam Melayu," *Jurnal Syariah* (1993), 146-152; Wahidah, "Studi Naskah Fikih Melayu (*Risalah Is'af al-Raghibin fi 'Ilmi al-Faraidh*) karya Jad Ahmad Mubarak," *AL-BANJARI* vol. 19, no. 1 (2019), 25-48.

kronologi perkembangan karya fiqh Melayu perlu berhati-hati, bersikap apologatik dan menilai sesuatu perkembangan silam dari konteks zamannya.² Selain itu, bagi memahami proses perkembangan intelektual ia mesti merujuk kepada ketulenan karya-karya asli agar kemampuan dan daya sesuatu karya itu dapat diterjemahkan dari sudut bahasa dan tafsiran ulama terdahulu dalam penghasilan karya penulisan.³

Berdasarkan lakaran sejarah, eksplorasi penulisan karya bercorak agama boleh dikatakan seiring dengan kedatangan Islam di Alam Melayu. Tradisi keilmuan dan pendidikan yang diwarisi dari zaman berzaman dapat menjejaki penulisan dan penghasilan manuskrip ataupun kitab-kitab kuning terdahulu.⁴ Penulisan karya-karya bercorak agama ini ditulis bermula dengan bertapaknya Islam dan penyebaran pengaruhnya di Alam Melayu. Seterusnya perkembangan penulisan ini membentuk satu kefahaman kepada masyarakat Melayu mengenai ajaran Islam secara berperingkat-peringkat. Ia sesuai dengan sifat universal yang terdapat pada ajaran Islam. Ajaran Islam yang efektif telah membawa pengaruh dalam pembentukan bahasa dan kesusasteraan Melayu terutamanya dalam usaha menyebarkan fahaman Islam melalui bahasa persuratan dan penulisan.⁵ Ajaran Islam yang disebarkan ke Alam Melayu telah membawa budaya dan ilmu. Antara budaya yang dibawa oleh

² Shafie Abu Bakar, "Keilmuan Islam dan Tradisi Pengajian Pondok" dalam *Budi Kencana* (Kuala Lumpur, 1994), 93-94.

³ Mahayudin Yahya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks Jilid 1* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), xvi.

⁴ Jamaludin, Saadan Man, Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat, "Sumbangan Ulama Melayu Klasik dalam Menjana Budaya Ilmu di Alam Melayu" dalam *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*, ed. Norarfan Zainal *et al.* (Brunei: Penerbit Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2012), 285-289.

⁵ Salsabil Mohd Zain, Mustafa Abdullah, Muhammad Ali Hanafiah Norasid, "Penulisan Manuskrip Jawi di Alam Melayu: Satu Tinjauan Historis" dalam *Islam dan Ketamadunan Melayu Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat*, vol. 1, ed. Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad (Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 236; Abdul Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965), 5-6.

Islam adalah membaca dan menulis.⁶ Kedatangan ajaran Islam juga membawa bersama karya Islam yang akhirnya diminati oleh masyarakat⁷ dan membentuk satu perubahan dinamik terhadap budaya masyarakat Melayu.⁸ Impaknya, berlaku penyebaran Islam secara meluas dan ia memperlihatkan perkembangan yang pesat dalam tradisi penulisan di Alam Melayu. Kenyataan ini dikuatkan dengan tradisi tamadun Islam telah membuktikan melalui ajaran Islam yang dipupuk oleh baginda Rasulullah SAW adalah melalui kemahiran menulis.⁹

SKOP DAN METODOLOGI

Dalam menyempurnakan penulisan ini, metodologi kajian yang

⁶ Mahayudin Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 60.

⁷ Rahmah Ahmad Osman dan Mohd Shahrizal Nasir, "Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd Affandi Hassan dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi," *Jurnal e-Utama*, vol. 3 (2011), 1.

⁸ Ahmad Misbah Muhamad Hilmi *et.al.*, "Manuskrip Hujjatul Balighah Karya Syeikh Jalaluddin Alasy: Kajian Tahqiq Teks: Bab Pendakwaan," *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, vol. III, no. I (2016), 140.

⁹ Ini jelas dapat dilihat bagaimana tindakan Rasulullah SAW dalam peperangan Badar. Baginda meminta setiap tawanan perang tentera musuh yang pandai menulis dan membaca agar mengajar sepuluh orang anak orang Islam kemahiran tersebut sebagai salah satu cara untuk mendapatkan pembebasan. Lihat Mubarakfuri S.R, *al-Rahiq al-Makhtum: Bahth fi al-Sirah al-Nabawiyyah* (Tanta: Dar al-Basyir, 1987). Demikian juga, para sahabat Nabi SAW juga menggalakkan anak-anak dan murid-murid mereka mencatat dan menulis. Antaranya Anas ibn Malik RA yang menggalakkan anaknya supaya menulis hadis. Begitu juga dengan 'Abd Allah ibn 'Abbas RA, 'Umar ibn al-Khattab, 'Ali ibn Abi Talib yang menggalakkan murid-murid mereka supaya menulis dan merekodkan setiap ilmu yang dipelajari mereka. Lihat 'Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith Uhumuhu wa Mustalahuhu* (Jeddah: Dar al-Manarat, 1997), 171.

digunakan oleh penulis ialah menggunakan reka bentuk kualitatif¹⁰ melalui pendekatan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan analisis dokumen berdasarkan kajian perpustakaan. Bagi mendapatkan bahan, maklumat dan data, pengkaji menggunakan kaedah merangkumi metode dokumentasi. Penulis mengumpulkan data dan maklumat yang dikaji melalui pelbagai sumber primer dan sekunder seperti karya asal fiqh, manuskrip, buku asal, jurnal, kajian ilmiah, kertas kerja seminar, akhbar, majalah dan bahan rujukan elektronik. Data-data yang dikutip dan dianalisis secara deskriptif dengan menggabungkan beberapa idea, pandangan dengan dapatan kajian yang lepas bagi menghasilkan suatu gambaran yang menyeluruh berkaitan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik. Setelah memperoleh data-data yang mencukupi dengan metode pengumpulan data, pengkaji akan menganalisis secara holistik maklumat tersebut dengan metode perbandingan, pengamatan dan pemerhatian karya-karya fiqh Melayu klasik.

KEGIATAN AWAL PENULISAN AGAMA JAWI DI ALAM MELAYU

Mengikut catatan sejarah, masyarakat Melayu telah lama mengenali tulisan, iaitu sebelum kedatangan Islam lagi di Alam Melayu. Hal ini berdasarkan penemuan batu bersurat zaman Srivijaya seperti Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M), Kota Kapur (686 M) dan Talang Tuwo (684 M) yang ditulis pada abad ke-7M. Dalam bahasa Melayu kuno ia jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai tradisi tulisan dan penulisan sejak dahulu lagi. Walaupun tradisi tulisan telah lama wujud pada zaman pra-Islam

¹⁰ Penyelidikan kualitatif adalah penemuan-penemuan yang tidak dapat dicapai dengan menggunakan prosedur-prosedur statistik atau dengan cara kuantifikasi yang lain. Penyelidikan kualitatif dapat digunakan untuk meneliti kehidupan masyarakat, sejarah, tingkah laku, fungsionalisasi organisasi, pergerakan-pergerakan sosial atau hubungan kekerabatan. Lihat dalam Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Karya Cv: Bandung, 1993), 1-3; Basrowi Sukidin, *Metode Penelitian Kualitatif Perseptif Mikro* (Surabaya: Insan Cendakia, 2002), 1.

seperti yang terdapat pada batu bersurat namun perkembangannya dalam kalangan rakyat amat terhad.¹¹ Pada peringkat permulaan, perkembangan penulisan ini menjadi aktiviti bagi mereka yang berkepentingan sahaja khususnya kepada para rahib Hindu dan jurutulis istana.¹² Ini kerana kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan tulisan. Sekitar abad ke-15 selepas kedatangan Islam aktiviti penulisan ini di pelopori oleh golongan ulama dan golongan di istana yang melibatkan aktiviti mengarang surat perutusan, menyalin kitab, menyalin hikayat dan menyusun undang-undang dan peraturan disesuatu tempat.¹³ Boleh dikatakan penulisan awal di Alam Melayu ini membentuk paradigma dan intelektual dalam masyarakat Melayu. Hasilnya, pemikiran intelektual ini akhirnya membentuk gagasan intelektual melahirkan ulama dan sarjana Melayu yang memainkan peranan dalam kegiatan penulisan dan penghasilan karya-karya pengajaran bagi rujukan masyarakat Melayu. Justeru, penulisan dan penghasilan karya dalam pelbagai corak dan pola penulisan menggambarkan dinamisme kearifan tempatan di rantau Alam Melayu dalam membina perkembangan peradaban dan budaya ilmu.

Masyarakat Melayu yang berkebolehan mula membaca dan menulis, mencatat ajaran-ajaran guru dalam kitab-kitab dengan tulisan tangan. Perkembangan pengajian Islam pada mulanya tertumpu kepada perkara-perkara asas dalam agama, ilmu fardu ain kemudiannya berkembang kepada pengajaran kitab-kitab bahasa Arab dan terjemahan dalam bahasa Melayu. Pengajian dan pengajaran ilmu bukan sahaja dijalankan di istana, malah surau, madrasah, masjid, pondok dan rumah-rumah persendirian juga turut digunakan untuk pengajian kitab-kitab agama dan al-Quran. Semasa pemerintahan kerajaan kesultanan Melayu Melaka, istana

¹¹ Makmur Harun, Firman & Muhammad Yafri Yahya, *Abms3203 Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu*, Buku Panduan Kursus Open University Malaysia (OUM), edisi. 1, 2016, 4-30; Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003), 10.

¹² Muhammad Bukhari Lubis *et.al.*, *Tulisan Jawi Sehimpun Kajian* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2006), 3.

¹³ Hamdan Hassan, "Tradisi Penulisan Sastera Melayu Tradisional," *Jurnal Filologi Melayu* (1997), 16-22.

menjadi pusat pengajian untuk keluarga raja dan para pembesar, terdapat banyak buku dan sumber dari mazhab Syafi'e digunakan oleh para ulama sebagai bahan pengajaran mereka. mazhab Syafi'e menjadi pegangan yang dominan khususnya di rantau Alam Melayu. Hampir kesemua kitab kuning fiqh yang beredar dilingkungan pondok dan pesantren berpegang kepada pandangan mazhab Syafi'e dengan merujuk jalur Imam *al-Nawāwi* (631-676 H) daripada susur-galur Imam *al-Rāfi'e* (w. 623 H).¹⁴ Menurut Oman Fathurrahman karya-karya tulisan tangan¹⁵ (*manuskrip*) tidak dapat dipisahkan dari tradisi besar Islam sejak abad ke-7 dan tersebar ke Alam Melayu sehingga dalam perkembangannya turut melahirkan tradisi besar penulisan yang berbentuk penulisan bercorak keagamaan.¹⁶ Pada peringkat awal perkembangan kegiatan penulisan terbahagi kepada pelbagai disiplin ilmu. Penggunaan penulisan di dalam bahasa Arab juga digunakan secara meluas ketika itu.¹⁷ Manakala hasil karya ditulis di dalam tulisan Jawi dan lebih dikenali sebagai *kitab kuning*. Ini merupakan kelangsungan tradisi ulama Alam Melayu yang terkenal dengan penulisan dan penghasilan karya agama. Karya-karya penulisan ini seterusnya menjadi teks rujukan dan pengajaran dalam sistem pengajian pondok, surau dan masjid serta institusi agama.

¹⁴ Mohd Anuar Ramli *et al.*, "Kearifan Tempatan dalam Hukum Islam di Alam Melayu," Seminar Hukum Islam Semasa, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2018.

¹⁵ Manuskrip Melayu ialah karya yang bertulis tangan terutama dalam tulisan Jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal kurun ke-16 sehingga awal kurun ke-20. Ia ditulis dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu. Ilmu dalam manuskrip Melayu juga merangkumi pelbagai bidang seperti kesusasteraan, sejarah, kitab agama, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan, azimat dan petua; Portal Rasmi Perpustakaan Negara, <http://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/88>, tarikh capaian 5 Disember 2016.

¹⁶ Oman Fathurrahman, *Filologi dan Islam Indonesia* (Jakarta: Puslitbang Lektor Keagamaan, Kementerian Agama RI, 2010), 101.

¹⁷ Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, "Pembudayaan Mazhab Syafi'e dalam Masyarakat Islam di Malaysia," *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007), 157-172.

PENULISAN KARYA FIQH ALAM MELAYU

Kedatangan Islam ke Alam Melayu adalah penyumbang utama kepada kelahiran kegiatan penulisan buku dan karya.¹⁸ Penulisan dan pengkaryaan merupakan suatu tradisi ulama Islam selain daripada belajar dan mengajar. Dalam catatan sejarah, perkembangan ilmu Islam dan penulisan karya fiqh Jawi Melayu di Alam Melayu telah berlaku pada sebelum atau pada abad ke-16. Menurut Abdul Kadir Muhammad penulisan fiqh terbahagi kepada beberapa bahagian. Antaranya dapat dijelaskan penulisan awal hukum Islam, penulisan hukum Islam pada abad ke-19 dan penulisan hukum Islam abad ke-20.¹⁹ Kebanyakan karya bertulis yang dihasilkan oleh sarjana Melayu-Islam dalam pelbagai disiplin ilmu bersifat teori (seperti disiplin teologi) ataupun praktikal (fiqh dan tasawuf).²⁰ Tidak dapat dinafikan usaha penulisan ini mempunyai pengaruh dalam tradisi keilmuan Alam Melayu.²¹ Dalam aspek penulisan fiqh terdapat pelbagai karya sama ada dalam bahasa Melayu atau Arab yang meliputi pelbagai metode penulisan sama ada penulisan hukum, terjemahan kitab bahasa Arab, soal jawab agama, ringkasan atau ulasan kepada sesuatu

¹⁸ Faizuri Abdul Latif & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, "Tradisi Penulisan Hadith dalam Karya Ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin,'" *Jurnal Usuluddin*, vol. 30 (2009), 92.

¹⁹ Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 1-98.

²⁰ Muhammad Abu Bakar, "Pendirian dan Pembangunan: Islamisasi dan Isu-Isu Semasa dengan Rujukan kepada Tugas Generasi Ulul Albab dalam Abad Ke-21" dalam *Islam dan Masyarakat Maju* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 39-48.

²¹ Abdul Hadi W.M, "Islam di Indonesia dan Transformasi Budaya" dalam *Menjadi Indonesia: 13 Abad Eksistensi Islam di Bumi Alam Melayu* ed. Komaruddin Hidayat dan Ahmad Gaus AF (Jakarta: Mizan, 2006), 470-471.

karya lain.²² Antara karya fiqh terawal Alam Melayu adalah karya *Şirāṭ al-Mustaqīm*. Ia menjelaskan hukum ibadat khusus seperti solat, zakat, puasa dan haji.²³

Menurut Ahmad Juhari terdapat kira-kira 16000 manuskrip Melayu dalam tulisan jawi disimpan di perpustakaan dan muzium seluruh dunia, seperti London, Leiden, Singapura, Jakarta, Lisbon dan Berlin.²⁴ Sementara itu, menurut Kajian Martin van Bruinessen dalam kajian karya-karya Melayu klasik Islam di Alam Melayu dalam pengumpulannya terhadap 900 judul kitab Melayu klasik. Terdapat 20% bidang fiqh, 17% bidang akidah dan usuluddin, 12% nahu arab, 8% koleksi hadis, 7% Tasawwuf dan tarikat, 6% akhlak, 5% koleksi doa, wirid dan mujarrobat, dan 6% kisah nabi, maulud dan manaqib. Dalam lakaran sejarah penulisan karya manuskrip berkembang pada 1400-1600M²⁵ pada era keagungan intelektual Melayu dan zaman pertumbuhan ilmu

²² Najahudin Lateh *et al.*, “*Tematik Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furu’ al-Masail dan Bahr al-Madhi*” Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan 2013), 65; Tradisi perkembangan penulisan fiqh Melayu memfokuskan kepada tiga perkara utama. Pertama penulisan secara kronologi penceritaan perkembangan karya-karya fiqh Melayu yang tersebar di Alam Melayu. Penulisan ini dapat memberi gambaran berlakunya hasil proses perkembangan karya fiqh Alam Melayu dari zaman ke zaman mengikut teori yang dibentangkan. Kedua penulisan dan analisa kandungan karya-karya dan hasilnya dimanfaatkan seperti penulisan metodologi, pemikiran dan aliran mazhab khusus, pendalilan, *istinbath* dan sebagainya. Ketiga penulisan biografi tokoh tertentu dengan pemikiran atau sumbangan tokoh terhadap perkembangan ilmu fiqh.

²³ Abdul Rahman Hj Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Alam Melayu: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 127.

²⁴ Ahmad Juhari, “The Origin and Spread of The Jawi Script kertas kerja Sub-Regional Symposium on the Incorporation of the Languages of Asian Muslim Peoples into the Standardized Quranic Script,” Kuala Lumpur, 2008.

²⁵ Wan Mohd. Shaghir, *Katalog Karya Melayu Klasik (Edisi Penyempurnaan)* (Selangor: Khazanah Fathaniyyah, 2018), xxvi-xxvii.

Islam. Ini kerana, wujudnya faktor kerajaan-kerajaan Islam²⁶ yang mendokong fuqaha Melayu selesa dan mampu menulis karya fiqh untuk menjawab permasalahan masyarakat. Dalam konteks penulisan karya fiqh Melayu ia dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, karya penulisan yang mengandungi perbincangan hukum dalam suatu aliran pemikiran mazhab seperti karya fiqh mazhab Syafi'e. Tradisi penulisan kebiasaannya terikat dalam bentuk *matan*, *syarah* (huraian), *ta'liq* (komentar), *hasyiyah* (anotasi), *mukhtasar* (ringkasan) dan *tahqiq* (edit). Kedua, karya penulisan yang lebih khusus dalam bidang 'ibadah, *mu'amalah*, *mawarith* dan *siyasa*.²⁷ Apabila berlaku proses perkembangan penulisan secara konsisten maka timbul fasa penambahbaikan

²⁶ Pada zaman kesultanan Aceh abad ke-17 pemerintah menggalakkan ulama menetap di Aceh untuk menyampaikan ilmu kepada rakyat. Selain itu, pusat pengajian juga didirikan di masjid untuk rakyat yang ingin mempelajari ilmu pengetahuan. Pelajar-pelajar disediakan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke India, Mekah dan Mesir. Oleh itu, kesan besar peranan Sultan di Aceh lahirnya penulisan dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu fiqh, tasawwuf, ilmu kalam dan ilmu yang lain. Di samping itu, istana juga menjadi tempat tumpuan masyarakat Melayu. Boleh dikatakan tradisi perkembangan penulisan bermula dari istana. Raja-raja Melayu Alam Melayu seperti di Melaka, Johor, Pahang, Perlak, Pasai dan Aceh menjadikan ulama, jurutulis, penyair sebagai penulis, peyunting dan penterjemah karya-karya penulisan yang berkaitan dengan agama atau sejarah pemerintahan. Kebanyakan karya-karya ini ditulis menggunakan tulisan Jawi. Sokongan dari pihak istana menjadikan tradisi penulisan karya berkembang dengan baik; Harun Mat Piah *et.al.*, *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 37-38; Mohd Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 4.

²⁷ Mohd Anuar Ramli *et.al.*, "Sumbangan Ulama Melayu Klasik dalam Pembinaan Kearifan Tempatan di Alam Melayu," *Jurnal Pengajian Melayu*, 27 (1) (2016), 178-196.

seterusnya terhasilnya pertumbuhan baru dalam penulisan karya fiqh Melayu.²⁸

Penulisan karya tulisan Jawi khususnya dalam bidang fiqh boleh dikatakan berkembang seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu lain. Ini kerana, ilmu fiqh berkembang sejajar dengan ilmu-ilmu Islam lain di Alam Melayu. Perkembangan awal bermula dengan tradisi lisan diikuti dengan hasil karya tulisan dan kemudian dalam bentuk cetakan. Kebanyakan penulisan dekad terawal penulisan karya fiqh mencerminkan realiti masyarakat iaitu perkara berkaitan ibadat berbanding yang mempunyai kandungan yang tersirat di sebalik kata-kata yang rencam seperti karya usul, fatwa dan *khilāfīyyah*. Tidak dinafikan pengajian fiqh secara tidak langsung telah mula diperkenalkan semenjak Islam bertapak di Alam Melayu. Ini kerana, pendakwah dan mubaligh Islam awal lebih fokus menerapkan ajaran bersifat ibadat. Ianya ilmu yang utama perlu dipelajari oleh masyarakat Melayu yang baru mengenal Islam. Ini termasuklah ilmu fardu ain seperti bersuci, solat, berwuduk sebagai asas pemahaman ajaran agama.²⁹ Pada peringkat awal dakwah Islam di Alam Melayu tidak terdapat sesi pengajian fiqh secara formal berdasarkan penggunaan metode dan pengajaran secara sistematik dengan menggunakan kitab-kitab fiqh. Tradisi pengajian bercorak agama pada peringkat

²⁸ Melalui penulisan fiqh secara tidak langsung kita dapat memahami sejarah perkembangan dan penulisan fiqh yang dicatatkan. Ini termasuklah metode penulisan, struktur, ciri dan gaya penulisan, fizikal karya, pemikiran dan budaya masyarakat lalu. Oleh itu, terdapat dua gambaran awal penulisan karya fiqh Melayu. Karya berbentuk terjemahan dari karya asal Bahasa Arab, kemudian disaring sehingga terhasilnya karya penulisan.

²⁹ Rahimin Affandi Abdul Rahim, “al-Quran dan Peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu” dalam *Warisan al-Quran Peradaban Manusia* ed. Mohd Radzi Othman *et al.* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2005), 20-28.

awal hanya dijalankan di istana-istana.³⁰ Namun begitu, ini tidak bermakna ilmu fiqh diabaikan dan tidak diberi keutamaan ketika itu. Sebaliknya, karya fiqh telah wujud seawal abad ke-17 di Aceh yang merupakan pusat penyebaran dakwah Islam yang terkemuka selepas kejatuhan Melaka. Terdapat kemungkinan ilmu yang dipelajari pada ketika itu hanya dicatat dan ditulis sahaja sebagai bahan hafalan agama dan tidak dibukukan secara rasmi untuk tatapan umum.

Sebelum abad ke-17 tidak dapat dipastikan dengan jelas mengenai perkembangan ilmu fiqh di Alam Melayu. Walaupun begitu, masyarakat Islam mengakui akan kepentingannya. Ilmu fiqh kebiasaannya mempunyai kesinambungan dengan disiplin ilmu lain yang mencakupi ilmu al-Quran, Syariah dan hadis. Ini dapat difahami, ilmu fiqh adalah ilmu yang berkaitan ibadat yang menjadi amalan seharian masyarakat Melayu. Ianya juga ilmu yang menjadi panduan kepada pembinaan etika dan moral masyarakat.³¹ Pada abad itu, pengajaran ilmu fiqh hanya dipelajari secara tidak formal melalui hafalan serta lisan dalam keadaan tulisannya yang tidak lengkap dan tidak dibukukan dalam bentuk karya penulisan.³² Antara karya-karya awal penulisan fiqh yang masyhur dan terpilih abad ke-17 berdasarkan pengaruh yang boleh penulis nyatakan adalah karya *Şirāt al-Mustaqīm*³³ 1644M dan karya *Mir'ah al-Thullāb fī Tashīl al-Ma'rifat al-Ahkām wa al-Syarī'ah lī al-Mulk*

³⁰ Terdapat pengajian al-Quran pada awal kesultanan Melayu Melaka di mana seorang alim bernama Maulana Sadar Jahan telah menjadi guru kepada Sultan Mahmud dan puteranya; William Girdlestone Shellabear, *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1975), 240.

³¹ Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, "Penulisan Karya Hadis Alam Melayu Abad Ke-19: Antara Syeikh Nawawi Banten dan Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani," dalam *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman & Faisal Ahmad Shah (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan Hadith, 2011), 353-370.

³² Ajidar Matsyah, "Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskrip," Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, 2013, Banda Aceh, Indonesia.

³³ *Sirat al-Mustaqim*, MSS 144, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

*al-Wahhāb*³⁴ 1672M. Karya *Şirāṭ al-Mustaqīm* adalah karya fiqh Melayu terawal ditulis di dalam Bahasa Melayu Jawi. Ia ditulis oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri seorang ulama yang berasal dari India dan menetap di Aceh.

Manakala karya *Mir'ah al-Ṭhullāb* ditulis oleh Syeikh Abd Rauf al-Fansuri. Karya *Mir'ah al-Ṭhullāb* merupakan karya fiqh berbentuk soal jawab khas untuk para *Qādi*. Kandungan karya penulisan dalam bentuk soal jawab³⁵ namun ia dianggap pelengkap kepada karya *Şirāṭ al-Mustaqīm* yang hanya menjelaskan persoalan *rubu'* ibadat. Jarak penulisan antara karya *Şirāṭ al-Mustaqīm* 1644M dan karya penulisan *Mir'ah al-Thullab* 1672M adalah 28 tahun. Kedua-dua penulisan karya fiqh abad ke-17 ini bukanlah karya fiqh Melayu yang lengkap merangkumi *kitāb*, *bāb* dan *faṣl*. Ia merangkumi *kitāb* dan *bāb* yang tertentu sahaja. Dalam konteks ini curahan ilmu yang diberikan oleh ulama terdahulu tidak diberikan secara sekaligus.

Oleh itu, struktur dan proses permulaan penulisan karya fiqh Melayu dibahagikan kepada kandungan *kitāb*, *bāb* dan *faṣl*. Kandungannya disusun mengikut tajuk dan huraian secara sistematik bagi memudahkan proses pembelajaran masyarakat Melayu diambil kira. Memang tidak dinafikan terdapat kekurangan kandungan perbincangan dan kupasan dalam penulisan karya fiqh Melayu. Ini boleh dilihat seperti kandungan huraian yang ringkas, penulisan bentuk saduran, terjemahan dan salinan. Namun, apabila terdapat kekurangan perbincangan dan huraian dalam topik ibadat tertentu maka ia akan ditambah baik oleh fuqaha Melayu selepasnya. Ini membuktikan apabila perkembangan karya itu berkembang mengikut peredaran masa dan zaman ia saling lengkap melengkapi dan wujud pertumbuhan baru dalam karya penulisan fiqh Melayu.

Sementara itu, karya penulisan fiqh Melayu abad ke-19 menunjukkan perkembangan penulisannya yang dinamik dan

³⁴ *Mir'ah al-Thullab fi Tashil al-Ma'rifat al-Ahkam wal Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab al-kifayah*, MSS 1532, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

³⁵ Jelani Harun, "Mir'at al-Tullab By Syeikh Abdul Rauf Singkel: A Preliminary Study of Manuscripts Kept in The Special Collections," *Malay Literature*, vol. 26, no. 2 (2013), 122-127.

produktif. Kebanyakan karya fiqh yang masyhur ditulis pada abad ini lahirnya di Patani. Antara karya-karya masyhur dan terpilih pada abad ini adalah karya yang ditulis oleh Syeikh Daud al-Fatani. Antaranya karya *Īdah al-Albāb*³⁶ 1809M yang membincangkan tentang fiqh munakahat menurut mazhab Syafi'e.³⁷ Karya *Ghāyah al-Taqrīb*³⁸ 1811M yang menjelaskan tentang pembahagian

³⁶ *Īdah al-Albab*, MSS 2602, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

³⁷ Tumpuan utama perbincangan karya hanya kepada isu nikah kahwin bagi memenuhi keperluan masyarakat di Alam Melayu yang baru menerima. Masyarakat Melayu ketika itu memerlukan satu panduan tatacara untuk memahami asas-asas munakahat Islam. Justeru, bagi menjelaskan objektif utama suatu perkahwinan fuqaha Melayu telah berusaha mengumpulkan informasi yang berkaitan dengan maksud perkahwinan yang telah ditetapkan Islam kepada suami dan isteri. Karya rintis fiqh munakahat ini ditulis dengan lengkap daripada karya-karya fiqh munakahat yang ada sebelumnya seperti fuqaha klasik Arab terdahulu. Contoh-contoh kitab yang terkenal dan kerap dijadikan sebagai rujukan adalah seperti *Nayl al-Awtar* karangan al-Shawkani, *al-Mughni* oleh Ibn Qudamah, *al-Mughni al-Muhtaj* oleh al-Syeikh Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Sharai'* oleh al-Imam 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud al-Kasani al-Hanafi.

³⁸ *Ghayah al-Taqrīb*, MS 2384, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

harta pusaka mengikut ilmu faraid.³⁹ Karya *Nahj al-Rāghibīn*⁴⁰ 1811M yang menjelaskan tentang fiqh muamalat.⁴¹ Karya *Bulūgh al-Marām*⁴² 1812M yang menjelaskan tentang takbiratul ihram tentang niat mendirikan solat mengikut pandangan mazhab Syafi'e.⁴³ Karya *Hidāyah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*⁴⁴ 1828M. Ia antara karya fiqh yang paling lengkap ditulis menjelaskan berhubung aqidah, fiqh dan tasawwuf, namun

³⁹ Hasil pemerhatian, karya *Ghayah al-Taqrīb* bercampur antara tulisan Jawi klasik dan tulisan Arab. Dalam membahaskan persoalan ilmu faraid Syeikh Daud al-Fatani mengambil pendekatan dengan mendatangkan konsep dan *ta'rif* ilmu faraid agar ia mudah difahami oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Ini dapat difahami ilmu faraid adalah ilmu yang kurang diberi perhatian oleh masyarakat masa kini apatah lagi bagi masyarakat Melayu terdahulu kerana kesukaran untuk memahami ilmu tersebut. Dalam perkembangan urutan penyenaian karya fiqh Syeikh Daud Fatani telah meletakkan satu asas penyenaian perbincangan karya fiqh yang sistematik mengikut tahun. Bermula urutan penyenaian tajuk ibadat, diikuti muamalat, munakahat dan ilmu faraid. Ini menunjukkan ketajaman dan pengamatan yang tinggi pemikiran Syeikh Daud Fatani dalam ilmu fiqh. Tidak hairanlah penulisan karya fiqh Syeikh Daud Fatani diakui kehebatannya oleh ulama di dalam dan di luar Alam Melayu.

⁴⁰ *Nahj al-Raghibin*, MSS 332, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁴¹ Penulisan karya *Nahj al-Raghibin* menjelaskan dengan terperinci segala hukum jual beli yang dibahagikan kepada kitab hukum berkedai, syarikat, ikrar, hukum meminjam dan membahagikan keuntungan.

⁴² *Bulugh al-Maram*, MSS 733, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁴³ Kandungan karya membincangkan tentang niat ketika memulakan takbiratul Ihram. Ia berkaitan niat ketika memulakan solat yang sah menurut mazhab Syafi'e. Syeikh Daud menggunakan pendekatan dengan mendatangkan maksud niat secara hakiki dari sudut *lughah* dan *syar'i*. Menurut Syeikh Daud:..*adapun hakikat niat itu pada lughah qasd al-syai artinya mensahajakan sesuatu dan pada syarak itu iaitu qasd syai muqtarinan yaf'luhu; Bulugh al-Maram*, MSS 733, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁴⁴ *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*, MS 4373, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

kandungan utamanya adalah perbincangan perkara fiqh.⁴⁵ Karya *Fath al Manan* 1834M⁴⁶ karya yang membahaskan mengenai aqidah, fiqh dan tasawwuf. Karya *Jawāhir al-Saniyyah* 1836M⁴⁷ yang menjelaskan tentang aqidah ahli Sunnah wal Jama'ah, ilmu fiqh dan ilmu tasawwuf.⁴⁸ Karya *Sullam al-Mubtadī* 1836M⁴⁹ tentang ilmu fiqh, aqidah dan tasawwuf.⁵⁰ Karya *Furu' al-Masāil*

⁴⁵ Karya penulisan *Hidayah al-Muta'allim* antara karya fiqh Melayu Jawi yang paling lengkap perbincangannya. Terdapat juga perbincangan mengenai ilmu akidah dan tasawwuf namun perbincangan ilmu fiqh dilihat lebih dominan. Ia merangkumi judul *kitab, rubu', bab* dan *fasl*. Karya ini diklasifikasikan sebagai karya gabungan tiga ilmu yang membincangkan tentang syarat taklif dan hukum taklif, rukun iman, rukun Islam, syarat Islam dan cabang iman. Perbincangan ilmu fiqh bermula dari bab *toharah* hingga bab *al-Jinayah*.

⁴⁶ *Fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁴⁷ *Jawahir al-Saniyyah*, MS 4373, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁴⁸ Kandungan penulisan karya terbahagi kepada beberapa bahagian. Di awal penulisan, dijelaskan tentang akidah *ahl sunnah wa al-jamā'ah* berkaitan zat keesaan Allah SWT dan sifat-sifat Allah. Di bahagian kedua diterangkan perkara berkaitan fardu ain seperti sembahyang, puasa, haji dan zakat. Dibahagian ketiga mengenai hukum-hukum berkaitan isu hukum seperti nikah, talak, zina, pembahagian harta dan hak penjagaan anak. Walaupun perbincangan topik usuluddin dan fiqh mendominasi dalam kandungan karya penulisan namun aspek-aspek tasawwuf juga tidak ketinggalan dikupas oleh Syeikh Daud al-Fatani seperti perbincangan mengenai kelebihan kalimah tauhid dan *tazkiyah al-Nafs* (pembersihan jiwa) dan perjalanan *al-Suluk Tariqah* kepada Rasulullah SAW.

⁴⁹ *Sullam al-Mubtadi*, MS 27, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁵⁰ Kandungan karya ini ditulis dalam gabungan tiga ilmu iaitu fiqh, aqidah dan tasawwuf. Ini termasuk perbincangan mengenai perkara-perkara yang wajib dipelajari dalam fardu ain. Antara perkara yang disentuh iktikad, sembahyang, puasa, zakat, haji, korban, hukum faraid dan hukum nikah.

wa *Usul al-Wasāil* 1841M⁵¹ yang menjelaskan tentang furuk fiqh dalam mazhab Syafi'e.⁵²

Abad ke-19 adalah abad yang sangat produktif dalam perkembangan karya fiqh Melayu. Penulisan dan penghasilan karya fiqh abad ke-19 telah membuktikan kemampuan ulama Patani untuk menulis karya fiqh yang bermutu, produktif dan konsisten. Hal keadaan ini berbeza dengan penulisan awal karya fiqh di Aceh dan Tanah Melayu. Walaupun terdapat penulisan fiqh dari Tanah Melayu seperti karya tulisan fiqh Tok Pulau Manis karya *al-Kifāyah* 1726M⁵³ dan penulisan fiqh dari Aceh

⁵¹ *Furu' al-Masail wa Usul al-Wasail*, MS 553, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁵² Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani memulakan penulisan karya dengan menulis tentang ilmu tauhid. Kandungan utama perbincangan karya adalah tentang furuk fiqh dalam mazhab Syafi'e. Selain itu, karya ini juga membincangkan hukum jenayah, jihad, kehakiman, pendakwaan dan kesaksian. Sumber rujukannya ialah penulisan-penulisan fuqaha mazhab Syafi'e yang muktabar iaitu *Minhaj al-Talibin*, *Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj* dan *Nihayah al-Muhtaj*.

⁵³ Ismail. C.D. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)* (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012).

seperti *Şirat al-Mustaqīm* dan *Sabīl al-Muhtadīn*⁵⁴ namun tidak dapat menandingi produktiviti penulisan karya fiqh di Patani. Perkembangan karya fiqh Melayu di Patani berada dalam suasana perkembangan yang pesat dan dinamik. Bahkan, antara faktor yang mendorong ulama Patani mampu menulis secara konsisten kerana mereka dilahirkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan dan keluarga yang terdiri daripada tokoh-tokoh agama yang dihormati dan disegani oleh masyarakat. Antaranya seperti Syeikh Daud al-Fatani yang diketahui berasal dari keluarga ulama. Menurut salasilah keturunannya, beliau berasal daripada

⁵⁴ Pada dasarnya, pada abad ke-17 tidak hanya terdapat dua karya penulisan fiqh di Alam Melayu. Terdapat banyak karya-karya fiqh ditulis pada abad ke-17 dan 18. Ini kerana tradisi penyalinan naskhah telah lama direkodkan di Alam Melayu serta terdapat beberapa penulisan yang dicatatkan pada abad tersebut. Menurut Mursyid, antara penulisan awal di Aceh adalah karya *al-Hadi al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj* ditulis oleh Imam Abi Qasim Imamuddin Abdul Karim Ar-Rafi'e 1610M. Penulisan karya ini memberikan kesan dan pengaruh kepada corak fiqh di Aceh. Sementara itu, menurut Dwi Laili Sukmawati terdapat beberapa naskhah fiqh berkaitan hukum Islam yang ditulis di Madura satu daerah di Jawa Timur yang menyimpan karya manuskrip sejak sekian lama. Sementara itu, Ali Rosdin menegaskan terdapat sekitar 340 buah naskhah terdapat dalam pernaskahan Buton, Pulau Sulawesi di kawasan timur Indonesia. Ini termasuklah naskhah-naskhah hukum yang membentuk penulisan fiqh. Ini dapat diketahui tradisi pernaskahan di Buton berlangsung seiring dengan perkembangan Islam. Perkembangan penulisannya memuncak ketika pemerintahan Sultan La Ode Muhammad Idrus Kaimuddin 1824-1851M. Ketika itu, kegiatan penulisan karya dan naskhah berlangsung dengan pesat dan kebanyakannya atas perintah Sultan Muhammad Idrus Kaimuddin yang dikenali sebagai Sultan dan ulama besar Buton. Tidak dinafikan lokasi perkembangan penulisan fiqh Melayu sangat pesat di Aceh dan kawasan sekitarnya. Mursyid, "Corak Fiqh di Aceh Pada Masa Kerajaan (Kajian Atas Naskah Al-Hadi al-Muhtaj fi Syarah al-Minhaj Karya Imam Abi Qasim Imamuddin Abdul Karim Ar-Rafi'i)," *al-Qalam* vol. 17 no. 1 (2011), 105; Ali Rosdin, "Buton dan Tradisi Pernaskahan," *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3 (1) (2015), 51-53.

keturunan para alim-ulama.⁵⁵ Bapa beliau adalah Wan Abdullah dan datuknya Wan Idris. Kedua-duanya adalah ulama besar Patani yang masyhur pada zamannya.⁵⁶ Selain itu, terdapat banyak pusat pengajian dan pondok di Patani. Keberadaan pusat pengajian dan pondok-pondok ini membawa kepada keperluan penulisan karya-karya tulisan untuk dipelajari di pondok-pondok sekitar Patani.⁵⁷ Ramai dikalangan pemuda dan remaja menyertai pondok di Patani untuk mempelajari ilmu termasuklah ilmu fiqh. Ketika Islam mula disebarkan masyarakat Islam Patani mula berminat kepada ilmu pengetahuan. Ini kerana dengan pemahaman ilmu fiqh mereka dapat melaksanakan ibadat dengan lebih sempurna.

Di samping itu, budaya setempat memainkan peranan intelektual dalam masyarakat. Ini kerana kewujudan pembudayaan ilmu yang berkembang dalam masyarakat secara tidak langsung mewujudkan perkembangan budaya menulis. Ini dapat dilihat daripada kesan menuntut ilmu dan pengaruh tempat memainkan peranan penting dalam menterjemahkan peranan ulama Patani yang mampu mengarang karya-karya agama Jawi khususnya karya fiqh. Suasana kemasyarakatan⁵⁸ ini sedikit sebanyak mempengaruhi minda, paradigma keilmuan serta pemikiran intelektual ulama Patani dalam menghasilkan karya-karya fiqh yang bermutu tinggi serta membina suatu falsafah tindakan dalam masyarakat. Begitu juga, kebanyakan ilmuan di Patani mendapat pendidikan tinggi agama di Mekah dan menetap di sana dalam satu tempoh masa

⁵⁵ Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)* (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012), 15-17.

⁵⁶ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud al-Fathani Pengarang Ulung Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2018), 10-13.

⁵⁷ Kesan daripada proses Islamisasi di Patani dan keperluan kepada bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran maka timbul permintaan dan keperluan kepada karya penulisan dan proses mencatatkan ilmu. Bagi memenuhi tuntutan keperluan ilmu dan pengajaran maka lahirlah keperluan kepada karya-karya penulisan sebagai teks pengajian di masjid, pondok dan pusat-pusat pengajian.

⁵⁸ Wan Kamal Mujani, "Peranan dan Sumbangan Ulama Patani terhadap Perkembangan Pendidikan di Tanah Melayu," dalam *Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan*, ed. Farid Mat Zain *et al.* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 189.

yang panjang. Mereka mendalami dan menekuni pengajian ilmu yang merangkumi ilmu tauhid, fiqh dan tasawwuf. Apabila pulang ke ke Patani mereka membawa amanah ilmu dengan mengajar dan menulis ilmu tersebut agar dapat disebarkan seterusnya memberi manfaat ilmu kepada masyarakat setempat. Ini menjadikan sarjana dan ulama yang berilmu dan faqih di dalam menguasai sesuatu ilmu. Apabila sesuatu ilmu di dalam bidang itu dapat dikuasai maka ia mudah untuk diterjemahkan dalam bentuk penulisan. Justeru, pada asasnya tidak semua penulisan karya-karya fiqh abad ke-19 merupakan karya fiqh yang lengkap secara keseluruhannya yang merangkumi kitab, bab, fasal dan tajuk namun ditulis dan dikarang dengan bahagian dan bab yang tertentu sahaja. Ini kerana, kandungan dan perbincangan ilmu yang diberikan oleh ulama terdahulu tidak diberikan secara sekaligus.

Mereka membahagikan bab dan fasal untuk memudahkan masyarakat yang ingin mempelajari dan memahami ajaran Islam pada peringkat awal penyebaran Islam. Apabila terdapat kekurangan perbincangan dan perbahasan di dalam karya ibadat maka penambahbaikan akan dilakukan oleh ulama selepasnya. Oleh itu, terdapat pertumbuhan baru pada karya fiqh Melayu pada suatu abad kepada abad yang lain mengenai perbincangan ilmu fiqh.

Jadual 1: Subjek Penulisan Karya Fiqh Melayu Klasik Masyhur dan Terpilih

Bil.	Karya Fiqh Melayu Abad Ke-17 Hingga Ke-19 Masyhur & Terpilih	Nama Pengarang	Tahun	Abad
1.	<i>Širāʿ al-Mustaqīm</i>	Syeikh Nurudin al-Raniri	1644M	17
2.	<i>Mir'ah al-Ṭullāb</i>	Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri	1672M	17
3.	<i>al-Kifāyah</i>	Syeikh Abdul Malik bin Abdullah	1726M	18
4.	<i>Hidāyah al-Awām</i>	Syeikh Jalaluddin al-Asyi	1727M	18
5.	<i>Safīnah al-Ḥukkām</i>	Syeikh Jalaluddin al-Asyi	1740M	18
6.	<i>Hujjah al-Bālighah</i>	Syeikh Jalaluddin al-Asyi	1745M	18
7.	<i>Sabīl al-Muhtadīn</i>	Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari	1780M	18

Analisa Perkembangan dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik

8.	<i>Īdah al-Albāb</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1809M	19
9.	<i>Ghāyah al-Taqrīb</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1811M	19
10.	<i>Nahj al-Rāghibīn</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1811M	19
11.	<i>Bulugh al-Marām</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1812M	19
12.	<i>Hidāyah al-Muta'allim</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1828M	19
13.	<i>Fatḥ al-Manan</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1834M	19
14.	<i>Jawāhīr al-Sanīyyah</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1836M	19
15.	<i>Sullam al-Mubtadī</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1836M	19
16.	<i>Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il</i>	Syeikh Daud al-Fatani	1841M	19
17.	<i>Fatḥ al-Mubīn</i>	Syeikh Muhammad Shalih bin Muhammad Murid Rawa	1856M	19
18.	<i>Minhah al-Qarīb</i>	Syeikh Wan Abd al-Samad al-Kalantani	1882M	19
19.	<i>Maṭla' al-Badrayn</i>	Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani	1886M	19
20.	<i>Kashf al-Litham 'An As-Ilah al-Ānām</i>	Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani	1890M	19
21.	<i>Bahjah al-Mubtadīn</i>	Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	1893M	19
22.	<i>Al-Fatāwa al-Faṭānīyyah</i>	Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	-	19
23.	<i>Wushah al-Afrāh wa Ashbāh al-Falāḥ</i>	Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani	1894M	19
24.	<i>al-Thimār al-Ladhidhah 'alā al-Riyāḍ al-Badi'ah</i>	Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga al-Jawi	1894M	19
25.	<i>Nūr al-Sham'ah fī Ahkām al-Jum'ah</i>	Syeikh Ahmad Khatib bin Abd al-Latif Minankabawi	1896M	19

PENULISAN KARYA FIQH ABAD KE-18

Walaupun terdapat banyak⁵⁹ karya penulisan fiqh Melayu di rantau Alam Melayu,⁶⁰ namun penulis hanya memfokuskan penulisan ini kepada lima karya penulisan fiqh sahaja. Ia adalah antara penulisan fiqh yang masyhur dan terkenal di Alam Melayu berdasarkan kepada pengaruh penulisan pada zaman tersebut. Antara karya penulisan fiqh abad yang ke-18 yang masyhur dan terpilih⁶¹ di

⁵⁹ Menurut Van Bruinessen beliau menyenaraikan sebanyak 900 judul kitab Melayu klasik yang dikumpulkannya. Ia merangkumi 20% bidang fiqh dan selebihnya adalah karya-karya Melayu Jawi yang merangkumi berbagai disiplin ilmu; lihat Van Bruinessen, M. (1990), "Kitab Kuning; Books in Arabic Script Used in the Pesantren Milieu; Comments on a New Collection in the KITLV Library," dalam *Bijdragen tot de TaalLand-en Volkenkunde* 146, no: 2/3. Leiden; Melalui carian penulis di Pusat Manuskrip Negara terdapat beberapa karya tentang penulisan ilmu fiqh. Antaranya MS 471 karya Kitab Sembahyang 1844M, MS 258 Bicara Fiqh Sembahyang, MS 285 Kitab Khutbah Hari Raya, MS 503 *Kitab al-Nikah*, MS 502 Kelebihan Isteri Berbuat baik terhadap Suani 1860M. Kesemua karya ini boleh dikategorikan sebagai risalah fiqh kerana kandungan dan perbincangannya ringkas dan tidak lengkap. Terdapat juga karya fiqh Melayu dikategorikan masyhur seperti karya *Bughyah al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam bi al-Thawab* tulisan Syeikh Daud al-fatani. Karya *Ghayah al-Taqrif fi al-Irth Wa At-Ta'sib* 1811M. Karya *Muniah al-Musalli* 1827M tulisan Syeikh Daud al-Fatani. Karya *Kifayah al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Syuruthihi* tulisan Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi dan lain-lain lagi. Penulis tidak memasukkan kesemua karya penulisan kerana terdapat beberapa kekangan. Antaranya, penulis tidak menemui karya secara lengkap.

⁶⁰ Nurdin AR, "Penggalian dan Inventarisasi 1000 Judul Naskah Melayu di Banda Aceh," *Jurnal CMES*, vol. x, no. 2, edisi Julai (2017), 170-179.

⁶¹ Penulis mengambil satu contoh pengaruh karya *Sabil al-Muhtadin* dalam perkembangan penulisan ilmu fiqh di Alam Melayu. Karya ini sering dijadikan rujukan oleh ulama dalam penulisan fiqh Melayu; Auni Hj. Abdullah, "Penulisan Ilmu Fiqh Di Alam Melayu," *Majalah Dian Daiges*, bil. 103, Nov 1977; Abd. Ghani Othman, *Tatacara Penyembelihan Menurut Islam* (Alor Setar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, 2010), 60-85.

Alam Melayu adalah karya *al-kifāyah*⁶² 1726M yang ditulis oleh Tok Pulau Manis. Karya penulisan fiqh ini dianggap sebagai penulisan fiqh terawal di Tanah Melayu.⁶³ Karya ini dikarang oleh Tok Pulau Manis menggunakan dakwat hitam, rubrikasi perkataan tertentu dan ditulis atas kertas Belanda. Karya ini merangkumi beberapa gabungan disiplin ilmu usuluddin dan fiqh. Ia menjelaskan keperluan-keperluan yang harus diketahui oleh seorang Muslim mengenai akidah keimanan berdasarkan rukun iman yang enam dan keperluan muamalat berdasarkan rukun Islam yang lima. Dalam bidang ibadat, kandungannya menjelaskan tentang amalan seorang Muslim merangkumi bersuci, sembahyang, zakat, puasa, korban, perkara berkaitan dengan haji serta perkara yang halal dan haram dimakan. Walaupun Tok Pulau Manis dikenali melalui penulisan Kitab Hikam Melayu⁶⁴ namun beliau berjaya menulis dua lagi karya fiqh iaitu *Risālah al-Naql* dan *Risālah Kayfīyah*

⁶² *al-Kifayah*, MS 517, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁶³ Zurita Mohd Yusoff *et.al.*, Tok Pulau Manis: Pioneer of Fiqh Writings in the Malay Peninsular, *Asian Social Science*; vol. 11, no. 1 (2015); *al-kifayah* yang bernombor MSS 517 disalin oleh Muhammad Hussain bin Abdullah Latif bin Almarhum Abdul Mu'min pada 1880M di Kampung Beris, negeri Kelaba, Fatani. Haji Muhammad Hussain bin Abdullah Latif adalah seorang ulama besar dan lebih dikenali dengan nama Tok Kelaba. Beliau mula berminat menyalin manuskrip setelah diperintahkan oleh gurunya Syekh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani di Pondok Bendang Daya lagi. Jumlah karya manuskrip yang disalin oleh Tok Kelaba yang ditemui berbanding dengan penyalin yang lain adalah banyak. Oleh itu, Tok Kelaba sangat di kenali di Alam Melayu seorang tokoh penyalin manuskrip yang berkelibar dan terkenal. Penglibatan beliau di dalam penyalinan manuskrip ini mengambil satu tempoh yang sangat lama; Wan Mohd Shagir Abdullah, "Tokoh-tokoh Penyalin Manuskrip Kitab dari Semenanjung Tanah Melayu," *Jurnal Filologi*, jilid. 2 (1993), 48.

⁶⁴ *Kitab Hikam Melayu*, MSS 22, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; karya tasawwuf ini membincangkan persoalan tasawwuf mengikut aliran tarikat *Syaziliah* tentang zat dan makrifat Allah SWT.

Nīyyah. Antara ketiga-tiga ini, karya *al-Kifāyah* adalah karya yang paling menonjol kerana ia merangkumi perbincangan pelbagai topik ibadat dan dianggap sebagai karya penulisan fiqh terawal ditulis di Terengganu dan antara yang tertua di Alam Melayu selepas karya *Şirāṭ al-Mustaqīm*. Urutan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-18 dikembangkan dengan penulisan karya *Hidāyah al-Awwām*⁶⁵ 1727M ditulis oleh Syeikh Faqih Jalaluddin al-Asyi. Melalui kajian awal penulis pada tahun 2016 dan 2017 di Pusat Manuskrip Negara tidak menemui karya *Hidāyah al-Awwām*. Karya manuskrip ini dapat penulis temui pada julai 2019 kerana terdapat tambahan karya baru di Pusat Manuskrip Negara. Karya yang penulis temui di Pusat Manuskrip Negara adalah karya yang sudah uzur. Berkemungkinan besar ia akan rosak dan tidak boleh lagi ditatap dan dikaji oleh generasi sekarang dan akan datang. Justeru akan berlaku kehilangan bukti keserjanaan fuqaha Melayu silam dan tidak boleh dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Karya tulisan ini bermaksud '*pada menyatakan perintah Agama Islam.*' Ia merupakan karya penulisan fiqh yang ringkas dan umum.⁶⁶ Perkembangan penulisan karya fiqh Melayu pada abad ke-18 digerakan dengan penulisan *Safīnah*

⁶⁵ *Hidayah al-Awwam* MSS 3843 (F.A) Pusat manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; http://www.nu.or.id/post/read/76330/fiqih-Alam_Melayu-abad-ke-18-m-karya-faqih-jalaluddin-Aceh.

⁶⁶ Dalam catatan *muqaddimah* Syeikh Jalaluddin al-Asyi menjelaskan karya *Hidayah al-Awwam* ditulis pada 1727M dan dihuraikan dalam bentuk umum dan ringkas. Selain itu, bahasa dan kalimah penulisannya agak sukar difahami. Kebanyakan karya fiqh abad ke-18 mempunyai teks dan kandungan yang lebih khusus kepada penulisan karya terjemahan, saduran, menyalin dan menulis semula apa yang telah ditulis di dalam kitab-kitab klasik Arab. Tidak terdapat corak penulisan khusus seperti penulisan fatwa dan usul dalam karya abad awal penulisan fiqh; *Hidayah al-Awwam* MSS 3843 (F.A) Pusat manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2.

*al-Hukkām fī Talkhīs al-Khishām*⁶⁷ 1740M ditulis oleh Syeikh Jalaluddin al-Asyi. Ia ditulis atas perintah Sultan Alauddin Johan Syah dan bentuk penulisannya berupa tulisan tangan. Kandungan perbincangan adalah fiqh menurut mazhab Syafi'e. Dalam catatan pengantar penulisan dinyatakan kandungan karya menjelaskan istilah-istilah, peringatan untuk golongan hakim yang zalim dan beberapa kaedah. Seterusnya, perkembangan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-18 dikembangkan dengan penulisan karya *Hujjah al-Bālighah 'Alā Jamā'ah al-Mukhāsamah*.⁶⁸

Karya ini juga ditulis oleh Syeikh Jalaluddin al-Asyi pada abad ke-18⁶⁹ pada 1745. Kandungan perbincangan karya terbahagi kepada tiga bab utama iaitu imam atau pemimpin yang melaksanakan hukuman (*al-Qādī*), dakwaan dan bukti (*da'wa wa bayyinah*) serta saksi dan sumpah (*shuhūd wa al-khalf*). Manakala perkembangan karya fiqh Melayu seterusnya dapat dilihat dengan lahirnya karya penulisan *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaqquh fī Umur al-Dīn*⁷⁰ 1780M ditulis oleh Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari. Karya *Sabīl al-Muhtadīn* merupakan karya yang masyhur dan terkenal tersebar luas diseluruh Alam Melayu. Ia terbahagi kepada dua jilid. Jilid pertama mempunyai 252 halaman dan jilid kedua 272 halaman. Perbincangan dalam kitab ini meliputi persoalan

⁶⁷ Koleksi Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka, DBP-K2175/12; http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive

⁶⁸ *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, MSS 3584 Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁶⁹ *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah*, MSS 400, MSS 4077, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁷⁰ *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MS 554, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*, MSS 1135, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

ibadat berkaitan bersuci, solat, puasa, zakat, haji, akikah, korban, makanan yang halal dan haram serta sembelihan.⁷¹

Perbincangan mengenai ibadat adalah perbincangan yang kerap ditulis pada karya fiqh abad ke-18. Ia melibatkan ibadat asas untuk memberikan kefahaman awal kepada masyarakat Melayu yang ingin mempelajari dan memahami ajaran Islam. Ini kerana karya-karya fiqh yang ditulis oleh sarjana Islam hampir semuanya mempunyai kaitan rapat dengan hal ehwal kemasyarakatan.⁷² Dalam konteks penulisan karya fiqh Melayu abad ke-18 kebanyakan penulisan bersifat umum dan ringkas serta bahasa dan kalimah yang sukar difahami kerana terdapat pengaruh tulisan Jawi klasik.⁷³ Teks dan kandungan lebih khusus kepada penulisan karya terjemahan, saduran, menyalin dan menulis semula apa yang telah ditulis dalam kitab-kitab klasik Arab.⁷⁴ Boleh dikatakan

⁷¹ Wan Kamal Nadzif Wan Jamil, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi, "Manhaj Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Penulisan Hadis: Tumpuan Kepada Kitab Jawi Sabil al-Muhtadin," (Kertas kerja, Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, 2010); Setiap perbincangan dalam bab ibadat khususnya dibincangkan dengan terperinci dengan perkara-perkara wajib, sunat, makruh dan sebagainya. Karya ini ditulis atas permintaan Sultan yang memerintah Banjar ketika itu. Ia dihasilkan untuk dijadikan panduan dan pedoman hukum serta dijadikan bahan pengajian di pondok-pondok seluruh Asia Tenggara; Muhamad Ismail Abdullah, "Mazhab Syafi'e dan Perkembangannya di Alam Melayu," kertas kerja dibentangkan di Kolokium Islam Pahang, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, 2015, 8; Wan Kamal Nadzif Wan Jamil, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi, "Manhaj Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Penulisan Hadis: Tumpuan Kepada Kitab Jawi Sabil al-Muhtadin."

⁷² Rahimin Affandi Abdul Rahim *et.al.*, "Warisan Karya Ulama Melayu-Islam Silam dan Kaitannya dengan Pengajian Moral di Zaman Moden," *Jurnal Usuluddin*, vol. 27 (2008), 170.

⁷³ Lihat Kang Keong Seock, *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 3-35

⁷⁴ Ini dapat dilihat dalam penulisan karya fiqh Melayu pengarang menyatakan mereka menterjemahkan karya penulisan ini dari kitab tertentu; *Fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 1.

tiada kecenderungan ijtihad dalam penulisan karya fiqh Melayu. Malah tidak wujud corak dan pola penulisan khusus seperti penulisan fatwa dan usul. Hasil penelitian, penulis mendapati tiada penulisan berkaitan ilmu usul fiqh dalam karya fiqh Melayu abad ke-17 dan 18.

Rasionalnya, penulisan karya fiqh Melayu mustahil dapat ditulis dan dihasilkan tanpa pengetahuan mendalam terhadap ilmu usul fiqh. Persoalan ini penting untuk diketahui kerana ilmu usul fiqh merupakan ilmu pemikiran intelektual umat Islam⁷⁵ dan subjek penting dalam ilmu pengajian Syariah.⁷⁶ Kandungannya membahaskan kaedah komprehensif dalam pengamalan proses ijtihad⁷⁷ sebagai mekanisme *istinbāṭ* hukum yang diperlukan oleh para mujtahid.⁷⁸ Ia juga berperanan menyediakan asas kepada pembinaan hukum Islam.⁷⁹ Namun, abad ke-19 menyaksikan terdapat sedikit kecenderungan ijtihad dan usaha awal penulisan bercorak fatwa dalam karya fiqh Melayu. Penulisan fatwa dan usul dirintis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam karya *fatwā fatāniyyah*.⁸⁰

Menurut Wan Mohd. Shaghir karya usul fiqh yang pertama ditulis di Alam Melayu adalah karya *fath al-Manan*⁸¹ 1834M yang ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Dalam catatan muqaddimah Syeikh Daud telah menulis beberapa ayat berkaitan kaedah ilmu usul fiqh. Beliau menekankan untuk berhukum

⁷⁵ Abdul Basith Junaidy, "Revitalisasi Usul Fiqh dalam Menghadapi Perubahan Sosial," *Islamika*, vol. 3, no. 2 (2009), 43.

⁷⁶ Irwan Mohd Subri, "Penggunaan Masalah dalam Pembelajaran Subjek Usul Fiqh: Satu Kajian di Universiti Sains Islam Malaysia," *Jurnal Syariah*, 15:1 (2007), 96.

⁷⁷ Noor Naemah Abdul Rahman, "Pengajaran Kursus Usul Al-Fiqh Peringkat Ijazah Dasar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Pengalaman dan Penilaian," *Jurnal Syariah*, 14:1 (2006), 143.

⁷⁸ Irwan Mohd Subri, "Penggunaan Masalah," 96.

⁷⁹ Mohd Daud Bakar, "Usul Al-Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan dalam Pengajian Syariah" dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Ab. Majid *et al.* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 37.

⁸⁰ *Fatwa Fataniyyah*, Matba'ah Patani Press, 1377 H.

⁸¹ *Fath Al Manan*, MSS 121, MSS 233, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur:

dengan dalil-dalil yang *qat'ie* dalam kaedah pengambilan hukum.⁸² Hasil penelitian dalam karya-karya fiqh Melayu penulis mendapati masih terdapat penulisan ringkas ilmu usul fiqh dalam karya fiqh Melayu. Meskipun penulisan ilmu usul dilihat ringkas, terdapat tulisan tentang qias, ijmak, masalah, syarat berfatwa, kaedah fiqh, *mahāsin syarī'ah*, penghujahan al-Sunnah,⁸³ namun ia masih kekal relevan mengikut konteks zamannya. Bagi pendapat penulis, berkemungkinan apa yang dinyatakan oleh Wan Mohd. Shaghir adalah kaedah penulisan usul fiqh yang pertama ditulis di Alam Melayu. Ini kerana tiada perbincangan dan huraian khusus tentang ilmu usul fiqh dalam penulisan karya *fath al-Manan*. Perkembangan penulisan karya fiqh Melayu akhirnya membentuk penulisan bercorak pemikiran intelektual dan hukum merujuk kepada ilmu usul. Usaha ini dapat dilihat dalam perkembangan penulisan fiqh yang berkembang pada abad ke-20. Terdapat elemen dan unsur penulisan ilmu usul fiqh dalam karya tulisan

⁸² Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Penutup Perdebatan Islam Alaf Kedua di Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2010), 136; ووقفهم احكام اصول الدينية بالبناء على ادلة القطعية; lihat *Fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁸³ *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 5-6; *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 6; Muhammad bin Ismail Daud al-Patani, *Kitab al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, cet. 1 (Jeddah: Matba'ah al-Sharqiah, 1931), 170; *Mir'ah al-Thullab fi Tashil al-Ma'rifat al-Ahkam wal Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab al-kifayah* MSS 2674, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 225; *Nahj al-Raghibin* MSS 332, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur,

fiqh Melayu.⁸⁴ Perbincangan yang dilontarkan bukan bermaksud ulama Melayu tidak mampu menulis karya-karya bermutu seperti karya usul fiqh pada peringkat awal penulisan fiqh. Penulisan dan pemahaman ilmu fiqh yang ditulis dan disebarkan oleh ulama Melayu terdahulu mustahil dapat disebarkan tanpa mereka memahami subjek *usūl al-fiqh* secara mendalam. Pemikiran usul mereka banyak dilontarkan di dalam tulisan fiqh yang diterjemahkan ke dalam karya-karya fiqh Melayu. Justeru itu, pemikiran dan pengetahuan usul fiqh memang telah diketahui oleh ulama dan sarjana Melayu ketika itu walaupun tidak dibukukan.⁸⁵

Impak perkembangan karya fiqh Melayu yang ditulis zaman berzaman menjadikan pengembangan intelektual dalam masyarakat Melayu Alam Melayu. Apabila teretusnya idea-idea penulisan dan pertumbuhan baru dalam penulisan fiqh Melayu maka ilmu usul fiqh mula dipelajari dan semakin berkembang. Ini dapat dilihat dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu dalam penghasilan corak penulisan ilmu usul fiqh. Penulisan ilmu usul fiqh mula ditulis secara lebih terbuka dan berkembang pada abad ke-20. Pada peringkat awal penulisan tidak terdapat karya berkaitan usul fiqh dan buku-buku yang ditulis dan diajar oleh fuqaha Melayu. Sehingga perkembangan penulisan fiqh Melayu melahirkan karya usul fiqh ditulis walaupun ringkas, namun ia memperlihatkan kesan besar terhadap perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Tradisi perkembangan ini menyaksikan ilmu

⁸⁴ Terdapat perbincangan berkaitan hukum yang merujuk kepada perbincangan ilmu usul seperti dalam karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam kitab *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*; Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; karya *Bahr al-Madhi* tulisan Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi. Walaupun karya ini dikenali sebagai karya hadis namun terdapat penulisan dan perbincangan berkaitan ilmu usul yang ditulis dalam karya tersebut.

⁸⁵ Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Pengamalan Ilmu Usul al-Fiqh di dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisis," dalam *Kesusasteraan dan Undang-Undang* ed. Mohamad Mokhtar Hassan *et al.* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2003), 158-165.

usul fiqh mula dipelajari dan ditulis oleh para fuqaha walaupun secara ringkas. Ilmu ini mula dibukukan oleh sarjana Melayu secara tersusun mengikut format disiplin ilmu. Ini dapat dilihat terdapat banyak karya-karya usul fiqh ditulis dan dikembangkan bermula pada abad ke-20. Antaranya karya penulisan *al-Aqwāl al-Mulhaqah 'ala Mukhtaṣar al-Waraqah fī Usūl al-Fiqhiyyah*. Karya ini ditulis oleh Syeikh Abdul Haq Bin Abdul Hannan al-Jawi al-Bantani. Dicitak oleh *Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah* Mekah 1901M. Karya *Lathāif al-Isyarāt ila Syarhi Tashīl al-Thuruqāh li Nazmi al-Waraqāh fī al-Usūl al-Fiqhiyyah* 1908M. Karya ini dikarang oleh Syeikh Abdul Hamid bin Muhammad Ali bin Abdul Qadir al-Khatib. Terdapat berbagai-bagai edisi cetakan antaranya dari *Mathbā'ah Dār al-Thaiba'ah Masrīyah*.⁸⁶ Antara penulisan karya ilmu usul fiqh terawal di Tanah Melayu ditulis oleh Ustaz Abdul Qadir Hasan dengan tajuk *usūl al-fiqh*. Dicitak oleh percetakan Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Cetakan pertama adalah pada tahun 1973M.⁸⁷ Hasil pemerhatian, penulis mendapati terdapat banyak penulisan karya usul fiqh pada awal dan pertengahan abad ke-20 di Alam Melayu. Ini membuktikan impak perkembangan karya-karya fiqh yang ditulis zaman berzaman menjadikan perkembangan penulisan ilmu usul fiqh dalam masyarakat Melayu berkembang berbanding sebelumnya tidak dipelajari dan dibukukan dalam disiplin ilmu.

Selain itu, kesan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu yang ditulis zaman berzaman menjadikan pengembangan intelektual dalam karya pada abad ke-20 di Alam Melayu. Impak perkembangan dan pengaruh penulisan karya fiqh Melayu membentuk satu paradigma pemikiran yang tinggi sehingga lahir karya penulisan bentuk *khilāfiyyah* pada awal dan pertengahan abad ke-20. Pada awal abad ke-17 hingga ke-19 corak dan pola penulisan karya fiqh Melayu terikat dengan corak penulisan dari mazhab Syafi'e. Fuqaha Melayu hanya mengutip dan mengambil pendapat dari pendapat imam Syafi'e. Manakala pendapat yang kontradik dengan mazhab Syafi'e ditolak sama sekali. Isu-isu *khilāfiyyah* ini belegar sekitar ibadat berkaitan furuk fiqh akibat

⁸⁶ Wan Mohd. Shaghir, *Katalog Karya Melayu Klasik (Edisi Penyempurnaan)* (Khazanah Fathaniyyah: Selangor, 2018), 32,37.

⁸⁷ Abdul Qadir Hasan, *Usul al-Fiqh* (Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. cet. 7, 1992).

daripada perbezaan pandangan dan ijtihad. Malahan Alam Melayu antara abad ke-20 dan ke-21. Menurut Mohd Amin karya *khilāfiyyah* terawal di Alam Melayu ditulis oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Penulisan bentuk *khilāfiyyah* perbincangan *khilāfiyyah* menjadi isu yang hangat diperbincangkan oleh masyarakat Islam di mula ditulis pada tahun 1906-1908M di Semenanjung Tanah Melayu sedangkan di Indonesia bermula pada tahun 1911M. Manakala di Patani dan Thailand pada dekad 1960M.⁸⁸ Terdapat beberapa karya *khilāfiyyah* yang ditulis di Alam Melayu sekitar abad ke-20 antaranya karya *Īqāz al-Manām ila Ṭharīqi Saiyid al-Anām*. Karya ini ditulis oleh Muhammad Yasin Haji Abdul Ghani Minangkabau pada 1927M. Karya *At-Tahaṣṣhinah ‘an Ittibā’ al-Masāil al-Syuzuzīah*. Karya ini ditulis oleh Syeikh Syamsuddin Gelar Soetan Radjo Endah pada 1928M. Sementara itu terdapat karya yang judul tajuknya dalam bahasa Melayu seperti karya *Cahaya Suluh pada Menyatakan Jum’at kurang daripada Empat Puluh (M)*. Ianya ditulis oleh Muhammad Basiyuni Imran, Maharaja Imam Sambas pada 1920M. Karya *al-Bāyan* yang ditulis oleh Muhammad Fadhlullah Suhaimi al-Azhari pada tahun 1953M dan dicetak oleh al-Ahmadiyah Press pada tahun yang sama. Karya *Cermin Suluhan* ditulis oleh Muhammad bin Muhammad Shalih al-Kalantani. Karya ini dicetak oleh *Matbā’ah Dār Ṭhibā’ah al-Islāmīyah*, Patani pada 1962M. Kesemua karya ini adalah karya *khilāfiyyah* yang tersebar dan diterbitkan pada awal dan pertengahan abad ke-20.

Hasil perbincangan, secara dasarnya penulis hanya membentangkan lima karya fiqh Melayu yang dianggap masyhur dan terpilih berdasarkan pengaruh dalam perkembangan penulisan karya manuskrip Alam Melayu. Pelbagai bentuk karya corak dan pendekatan penulisan ilmiah telah dikarang oleh para fuqaha Alam Melayu sebagai media penting untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Karya-karya ini muncul sebagai khazanah warisan yang bernilai tinggi penzamanan. Ia tetap dipelajari dan dijadikan

⁸⁸ Mohamad Amin Abu Bakar, “Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh dan Falak,” (Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 2012).

panduan masyarakat bukan sahaja di Alam Melayu malah turut dijadikan panduan dan kajian di peringkat antarabangsa. Ini jelas membuktikan bahawa karya ini mempunyai pengaruh dan nilai tinggi dalam bidang intelektual. Tidak dapat dinafikan sumbangan ulama dan sarjana Melayu dalam penghasilan karya fiqh Melayu. Antara tokoh-tokoh penulisan fiqh Alam Melayu yang masyhur dan ternama seperti Syed Hussain Jamaluddin al-Qubra, Hamzah Fansuri, Samsuddin al-Sumaterani, Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf Sinkel, Syeikh Yusuf al-Makasari, Syeikh Daud al-Fatani, Haji Wan Ahmad bin Muhamad Zain bin Mustafa al-Patani, Abdul Samad al-Palembani, Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi, Syeikh Muhamad Arsyad al-Banjari, Syed Abdul Kadir Kedah, Syeikh Abdul Malik Tok Pulau Manis, Terengganu, Haji Abdul Samad bin Muhamad Salleh al-Kelantani (Tuan Tabal), Muhamad Yusuf bin Ahmad al-Kenali (Tok Kenali), Syeikh Muhamad Idris Abdul Rauf al-Marbawi dan lain-lain lagi. Perkembangan penulisan dalam masyarakat Melayu ini mempunyai kaitan dengan budaya yang dibawa oleh ajaran Islam. Ia menjadikan masyarakat Melayu menjadi masyarakat yang berilmu selepas kedatangan Islam di rantau Alam Melayu.⁸⁹

UNSUR KEARIFAN TEMPATAN DALAM KARYA FIQH MELAYU

Dalam perbincangan mengenai kearifan tempatan dalam penulisan karya fiqh Melayu persoalan utama yang perlu diberi perhatian bagaimana karya fiqh Melayu boleh dikaitkan dengan kearifan Melayu. Walaupun karya-karya fiqh Melayu dianggap di dalam dunia akademia sebagai karya intelektual namun sebenarnya ia adalah karya sintesis antara karya-karya Islam Timur tengah dengan kearifan tempatan Melayu Islam. Dalam disiplin penulisan dan pengkayaan ilmu fiqh, terdapat ramai ulama yang menyumbang ke arah pembangunan kearifan tempatan dalam masyarakat Melayu Alam Melayu. Di antara mereka adalah Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari, Syeikh Daud al-Fatani,

⁸⁹ Mohd Puaad Abdul Malik & Rahimin Affandi Abd. Rahim, “*Kertas Kerja Kitab Jawi dan Pengilmuan Masyarakat Melayu*,” Seminar Antarabangsa Linguistik dan Bahasa Melayu, Hotel Perdana Kelantan, 6-7 Februari 2018.

Syeikh Abdul Samad al-Falembani dan sebagainya.⁹⁰ Karya-karya mereka memberi sumbangan besar dalam setiap aspek kehidupan dan masih menjadi rujukan di rantau Alam Melayu sehingga membentuk hubungan intelektual yang mementingkan ilmu pengetahuan berdasarkan budaya ilmu yang sejati.⁹¹ Kematangan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-18 merangkumi kearifan dan metodologi ulama Melayu. Setiap pengkaji kitab Jawi memang akan terkesan dengan mutu ilmiah yang dimilikinya. Ia menepati kriteria karya ilmiah seperti mana difahami dalam konteks moden.⁹²

Hal ini jelas boleh dilihat aspek kearifan tempatan dalam konteks intelektual, tulisan Jawi diperkenalkan semenjak abad ke-13 yang mana penulisan serta inskripsi Jawi adalah bercorak tempatan. Keadaan ini menyebabkan tulisan jawi berkembang seterusnya karya-karya Jawi mula ditulis. Apabila kita meneliti aksara dan sistem tulisan Jawi ianya memperlihatkan hasil

⁹⁰ Fauzi Deraman, Karya-Karya Hadith dalam Tulisan Jawi, *Jurnal Usuluddin* bil. 7 (1998), 164-165; Mohd Anuar Ramli *et.al.*, “Sumbangan Ulama Melayu Klasik, 178-185; Che Omar Awang, *The Methodology of Teaching in Islam: With Special Reference to The Traditional Educational Method In Malaysia*, Tesis Ijazah Kedoktoran, University of Edinburgh, 1996, 196-220; Wan Mohd. Shaghir, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, jilid. 1. (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000), 36.

⁹¹ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 108-109.

⁹² Terdapat perbezaan metode penulisan antara tiga abad awal 17, 18 dan 19. Metode penulisan abad ke-17 lebih menumpukan kepada penulisan konsep ibadat meliputi ibadat solat dan muamalat. Kandungan huraian dilihat ringkas kerana pendekatan penulisan zaman perkembangan dan penyebaran Islam Alam Melayu hanya memberi gambaran umum ajaran Islam kepada umat Melayu. Manakala penulisan abad ke-18 mencerminkan penulisan yang sedikit mendalam kepada persoalan ibadat dengan tajuk baru yang lebih kreatif. Manakala penulisan abad ke-19 lebih cenderung kepada bentuk teks pendalilan dalam ilmu fiqh. Antara dalil-lalil yang menjadi keutamaan adalah dalil al-Quran dan hadis yang menjadi pegangan yang dominan pada zaman itu. Di samping itu, terdapat tulisan pendapat ulama khususnya dalam mazhab Syafi’e ditulis secara ringkas serta dijadikan rujukan khusus dalam penulisan karya fiqh Melayu.

kepandaian kearifan tempatan dan pemikiran orang Melayu disesuaikan dengan lidah dan sosiologi masyarakat Melayu. Dengan ilmu kearifan tempatan ilmuwan Melayu cuba mengenal pasti bunyi-bunyi dalam bahasa Melayu yang tidak terdapat di dalam aksara tulisan Arab.⁹³ Ia sentiasa melalui proses semakan dan penambahbaikan huruf-huruf Melayu yang disesuaikan dengan ejaan Bahasa Arab contohnya terdapat pada huruf *qa* dan *nya* yang tiada dalam ejaan bahasa arab.⁹⁴ Kemampuan ulama Melayu terdahulu untuk menulis dan mengarang dalam karya fiqh Melayu lebih terserlah dengan bahasa dan ilmu pengetahuan Bahasa Melayu yang diperkayakan dalam bentuk tulisan Jawi yang dijadikan sebagai alat untuk memperkembangkan keilmuan Islam.

Di zaman pra Islam, masyarakat Melayu buta huruf dan sistem tulisan menjadi hak eksklusif golongan pembesar semata-mata. Penciptaan aksara jawi disesuaikan dengan kefahaman ulama Melayu awal tentang manusia sebagai *homo sapien*.⁹⁵ Manusia memerlukan bahasa dan sistem tulisan khusus untuk tujuan komunikasi dan sistem tulisan jawi yang mengungkap idealism Islam.⁹⁶ Ia menjadi wadah pencapaian dan penyebaran ilmu Islam. Wujudnya sistem tulisan sebagai mercu tanda kewujudan tamadun ilmu disesuatu kawasan. Ia menjadi medium untuk masyarakat menerima ilmu, mengungkap pemikiran dan mengaplikasikannya

⁹³ Berhanundin *et al.*, *Sejarah Tulisan Jawi dalam Pendidikan dan Dakwah di Terengganu* (Kuala Trengganu: Penerbit Unisza, 2017), 22-23.

⁹⁴ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia).

⁹⁵ *Homo sapien* bermaksud manusia Melayu memerlukan komunikasi untuk hidup; Muhammad Kamal Hasan, *Intellectual Discourse at The End of the Second Millenium Concerns of a Muslim-Malay CEO* (Kuala Lumpur, UIAM, 2001), 1.

⁹⁶ Setelah Islam diterima secara meluas oleh masyarakat Melayu dan Bahasa Arab mula digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai sistem tulisan mereka. Maka, penguasaan yang mendalam dalam Bahasa Arab menjadikan Bahasa Melayu mula menggunakan huruf Jawi; Adi Haji Taha *et al.*, *Manifestasi Tulisan Jawi* (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2006), 30.

di dalam kehidupan.⁹⁷ Idealisme pengarang karya fiqh melangkaui zaman dan maju ke hadapan.⁹⁸ Memandangkan ia masih relevan dengan perbincangan di zaman sekarang meskipun jarak masa yang panjang kerana terdapat persamaan budaya iaitu budaya Melayu Islam. Ini jelas dibuktikan kerana terdapat karya fiqh Melayu masih dijadikan kajian akademik dan diajar di kebanyakan institusi pengajian seperti di masjid, pondok dan madrasah.⁹⁹ Pemilihan teks timur tengah sebagai sumber asas karya fiqh Melayu tidak dilakukan secara terburu-buru dan sewenang-wenangnya. Tetapi dipilih dengan akal ulama Melayu daripada bahan-bahan yang muktabar dan sesuai dengan sosiologi dan mentaliti budaya Melayu. Contohnya karya-karya timur tengah yang mempunyai ciri-ciri falsafah ditolak dan tidak diterima.¹⁰⁰ Walaupun terdapat karya-karya sufi falsafah di kalangan dunia intelektual Islam Timur Tengah pada waktu itu ia tidak diterima dan dirujuk oleh ulama Melayu. Ini kerana mereka memahami kepentingan diterapkan mazhab *ahl sunnah wa al-jamā'ah* untuk wadah ilmu dan perpaduan ummah.

⁹⁷ Hassan Madmarn, *The Pondok and Madrasah in Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 48-50.

⁹⁸ Melalui penulisan fiqh, pemikiran dan paradigma ulama Timur Tengah berkaitan ilmu fiqh dipindahkan dan disebarkan kepada umat Islam di rantau Alam Melayu. Peranan karya fiqh ini menjadi pemangkin kepada terjadinya perubahan sosial dalam hal ehwal kehidupan masyarakat Melayu. Ia merupakan manifestasi kepada daya kemampuan dan intelektual ulama Melayu menulis dan menghasilkan ilmu. Selain itu, ia turut menyumbang kepada pembentukan nilai intelektual dalam kalangan sarjana Melayu yang berusaha untuk memberikan sumbangan yang terbaik kepada masyarakat.

⁹⁹ Bermula dihasilkan pada tahun 1871M hingga kini kebanyakan kitab Jawi dan karya fiqh Melayu masih disyarah dan diajar di masjid, surau, pondok dan halakah yang terdapat di seluruh pelusuk Alam Melayu; Shohana Hussin, *Kitab Hidāyah al-Sālikīn* Karangan *al-Falimbānī*: Analisis Naskhah dan Kandungan,” *Jurnal Usuluddin* 39 (2014), 72.

¹⁰⁰ Faudzinain Hj Badaruddin, “Peranan Kitab Jawi Tasawuf Sebagai Medium Transmisi Ilmu Islam kepada Masyarakat Melayu Alam Melayu,” dalam *International Journal of Islamic Thought*, vol.1, 2012, 19-25.

Antara ciri intelektual dalam penulisan kearifan tempatan karya fiqh abad ke-18 antaranya elemen integriti diambil kira dalam memastikan proses peniruan (*plagiarism*) tidak dilakukan dengan memetik kata-kata orang lain tanpa mengakuinya. Hal ini terdapat dalam penulisan karya fiqh Melayu apabila pengarangnya secara terang menyatakan sumber rujukan¹⁰¹ pengambilan ideanya dalam penulisan karya fiqh.¹⁰² Bahkan ia menyatakan ia adalah hasil terjemahan kitab muktabar yang khusus. Ia bukannya terjemahan secara pasif tetapi ditokok tambah dengan pandangan pengarang berdasarkan realiti tempatan Alam Melayu. Ia juga mempunyai mukadimah, isi dan kesimpulan. Ia disusun dalam bentuk yang logik dan terbuka untuk diwacanakan. Buktinya karya fiqh mempunyai ruangan matan teks asal dan ruangan catatan/komentar pembaca.¹⁰³ Kandungan perbincangan mengenai ilmu fiqh dilihat menarik seperti pengelasan judul *kitab*, *bab*, dan *fasl* merangkumi dari bab fiqh yang pertama hingga bab

¹⁰¹ Ini dapat dilihat dalam banyak penulisan karya fiqh Melayu antaranya; *Diambilnya kata Ibn Hajar di dalam tuhfah yakni tiada dituntut; Nahj al-Raghibin* MSS 332, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2; “...dan tiada harus mengerjakan sembahyang terawikh lebih dari dua puluh rakaat iaitu lima terawikh kerana tiap-tiap empat rakaat itu satu terawikh melainkan mengikut (amalan) ahli Madinah...”; *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MS 2252, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 14; ‘...Inilah kesempurnaannya ma’rifah akan Allah SWT pada ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu mazhab Imam yang empat iaitu Imam Syafi’e dan Imam Hanafi dan Imam Malik dan Imam Hanbali...; *Hidayah al-Awwam* MSS 3843, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 4.

¹⁰² *Sabil al-Muhtadin li al-Fiqh Umur al-Din*, MS 555, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; pengarang menjelaskan pengambilan sumber rujukan dan idea penulisan penulisan.

¹⁰³ Ciri-ciri penulisan fiqh ini boleh dilihat dalam karya penulisan fiqh abad 17, 18 dan 19; Tradisi mencatat/komentar menjadi amalan dalam penulisan karya Alam Melayu. Ini dapat dilihat dalam penulisan Tuan Minal dalam *Aqidah al-Najin* merupakan syarah daripada kitab *Umm al-Barahin* karangan al-Sanusi. Beliau menyatakan bukan hanya menterjemah karya tersebut malah turut menyelitkan komentar dan syarah kepada teks tersebut.

terakhir¹⁰⁴ dengan mekanisme penyusunan yang menarik. Ia melatih pembaca menjadi pembaca dan pemikir yang proaktif; membaca, memahami dan mencatat sekaligus. Lagipun, ia terbuka untuk dilakukan semakan dan komentar oleh pengarang yang lain. Kesemua usaha wacana ilmiah ini akan memastikan mutu kajiannya semakin baik.

Persoalan latar belakang masyarakat Alam Melayu diambil kira oleh ulama Melayu walaupun karya fiqh Islam Timur Tengah digunakan tetapi ia diadaptasi selari dengan realiti masyarakat Melayu. Contohnya dalam perbincangan binatang yang halal dan haram di makan menurut orang-orang tempatan Melayu.¹⁰⁵ Ia dikaitkan dengan makanan yang boleh dimakan dan makanan yang tidak boleh di makan. Begitu juga dalam teks Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari beliau memasukkan perkataan Kalimantan atau Banjar seperti '*yang bini bini*' '*wanyi*' dengan mengambil kira dialek dan elemen tempatan dalam memilih bahasa tempatan sebagai medium pengembangan dakwah dan penyebaran Islam.¹⁰⁶ Selain itu, karya fiqh Melayu juga merupakan teks ilmu yang amat penting sebagai wadah pendidikan masyarakat di rantau ini mengenai Islam.¹⁰⁷ Melalui penulisan, transisi pemikiran, perbincangan

¹⁰⁴ *Sabil al-Muhtadin lil fiqh Umur al-Din*, MS 554, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur; fragmen kitab fikah, MS 687, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁰⁵ Kajian ini dihuraikan oleh Zurita Yusoff, "Kitab *al-kifayah* karangan Shaykh Abd al-Malik bin Abdullah: Teks dan Analisis" (Tesis Ijazah Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).

¹⁰⁶ Omar Awang, "The Trengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet," *Federation Museums Journal*, 25, 1980, 55.

¹⁰⁷ Ahmad Fauzi Abdul Hamid, *Islamic Education in Malaysia* (Singapore: S. Rajaratnam School of International Studies, 2010), 14.

dan pandangan ulama-ulama¹⁰⁸ berkaitan perbincangan hukum di Timur Tengah dipindahkan dan disebarakan kepada umat Islam di rantau Alam Melayu. Peranan karya-karya fiqh ini telah menjadi pemangkin penting kepada terjadinya perubahan-perubahan di dalam hal ehwal kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, peranan penting karya fiqh Melayu terawal dapat dilihat secara umumnya membuktikan berlakunya proses pengajaran dan pendidikan dari sudut pemikiran hukum, penterjemahan dan penyelesaian hukum kepada masyarakat Melayu. Beberapa pendekatan ilmu juga diterapkan di dalam penulisan karya fiqh Melayu abad ke-18. Antaranya kandungannya sesuai dengan sifat orang Melayu yang baru memeluk Islam dengan penekanan kepada penulisan ilmu-ilmu ibadat fardu ain. Pendekatan yang diambil oleh pengarang karya fiqh dengan mengambil kira budaya dan sosiologi masyarakat Melayu dengan menerapkan kefahaman asas ibadat pada awal penulisan fiqh.¹⁰⁹ Penggunaan hujah *naqli* sebagai asas dalil *qat'i* dalam perbincangan hukum.¹¹⁰ Apabila perbincangan mengenai kefarduan sesuatu ibadat diberikan dalil hadis *qudsi*. Ini dapat dilihat dalam karya fiqh yang membincangkan asas kefarduan ibadat seperti bab solat dan juga di dalam bab ibadat yang lain. Penjelasan dan penghuraian untuk menerangkan maksud ibadat-ibadat di huraikan dengan lebih terperinci. Penggunaan bahasa yang mudah juga dalam penjelasan isu fiqh dengan memberikan takrif literal dan teknikal pada setiap istilah. Ia sebagai bahasa tulisan untuk dipermudahkan sesuai dengan khalayak pembaca.

¹⁰⁸ Amir Fazlim Yusoff, “Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dalam Kitab Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din,” (Prosiding Nadwah Ulama Alam Melayu II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 39.

¹⁰⁹ Penerapan kefahaman asas ibadat pada awal penulisan fiqh boleh dirujuk dalam karya *Sirat al-Mustaqim* dan *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din*.

¹¹⁰ *Hujjah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 4.

KESIMPULAN

Perkembangan dan pertumbuhan karya-karya fiqh Melayu abad ke-18 merupakan manifestasi kepada daya kemampuan, intelektual dan kearifan ulama menghasilkan sesuatu hasil penulisan fiqh. Ia menyumbang kepada pembentukan nilai intelektual dalam kalangan sarjana Melayu yang berusaha untuk memberikan sumbangan yang terbaik kepada masyarakat. Walaupun asas penulisan karya fiqh pada peringkat awal dilihat ringkas, namun ia sesuai mengikut konteks masyarakat Melayu yang mula untuk memahami dan menerima Islam sebagai ajaran untuk dianuti. Dapat dirumuskan karya penulisan fiqh Melayu klasik mempunyai nilai perbincangan yang unggul dan unik dari sudut penulisan dan kandungan. Dari sudut perbincangan intelektual dianggap sebagai kearifan tempatan Melayu kerana ia terhasil daripada impak penyebaran Islam ke atas masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- ‘Ajjaj al-Khatib, *Usul al-Hadith ‘Ulumuhu wa Mustalahuhu* (Jeddah: Dar al-Manarat, 1997).
- Abd. Jalil Borham, “Sejarah Awal Penulisan dan Pelaksanaan Hukum Islam di Alam Melayu,” *Jurnal Syariah* (1993), 146-152.
- Abdul Basith Junaidy, “Revitalisasi Usul Fiqh dalam Menghadapi Perubahan Sosial,” *Islamika Islamika*, vol. 3, no. 2 (2009), 43.
- Abdul Hadi W.M, “Islam di Indonesia dan Transformasi Budaya,” dalam *Menjadi Indonesia: 13 Abad Eksistensi Islam di Bumi Alam Melayu* ed. Komaruddin Hidayat dan Ahmad Gaus AF (Jakarta: Mizan, 2006), 470-471.
- Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1996).
- Ahmad Misbah Muhamad Hilmi, *et al.*, Mohd Faisal Mohamed, Nur Syahidah Abdul, Abdul Aziz Awang Kechik, “Manuskrip Hujjatul Balighah Karya Syekh Jalaluddin Alasy: Kajian Tahqiq Teks Bab Pendakwaan,” *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, vol. III, no. 1 (2016).

- Ajidar Matsyah, “*Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskrip*, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan,” Aceh, Indonesia, 2013.
- Al-Kifayah*, MS 517, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Al-Kifayah*, MSS 1897, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Anwar Zainal Abidin, “Formasi Ulama Patani,” dalam *Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan*, ed. Farid Mat Zin, et al. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016).
- Basrowi Sukidin, *Metode Penelitian Kualitatif Perseptif Mikro* (Surabaya: Insan Cendakia, 2006).
- Berhanundin et.al., *Sejarah Tulisan Jawi dalam Pendidikan dan Dakwah di Terengganu* (Kuala Terengganu: Penerbit Unisza, 2017).
- Faizuri Abdul Latif & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, “Tradisi Penulisan Hadith Karya Ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘*Aqidah al-Najin*,” *Jurnal Usuluddin*, bil. 30 (2009).
- Fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fatwa fataniyyah*, Matba’ah Patani Press, 1377 H.
- Fragmen kitab fekah*, MS 687, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Furu’ al-Masail Wa Usul al-Wasail*, MS 553, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ghayah al-Taqrif*, MS 2384, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Hidayah al-Muta’allim Wa ‘Umdat al-Mu’allim* MS 4373, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Hujjah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah*, MSS 3575, MSS 3584, MSS 400, MSS 4077, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Idah al-Albab*, MSS 2602, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

- Idris Awang & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, “Pembudayaan Mazhab Syafi’e dalam Masyarakat Islam di Malaysia,” *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 157-172.
- Irwan Mohd Subri, “Penggunaan Masalah dalam Pembelajaran Subjek Usul Fiqh: Satu Kajian di Universiti Sains Islam Malaysia,” *Jurnal Syariah*, vol. 15, no. 1 (2007), 96.
- Ismail. C.D. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)* (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012).
- Jamaludin, Saadan Man, Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat, “Sumbangan Ulama Melayu Klasik dalam Menjana Budaya Ilmu di Alam Melayu,” dalam *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam* ed. Norarfan Zainal *et al.* (Brunei: Penerbit Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2012).
- Koleksi Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka, DBP-K2175/12 Kuala Lumpur.
- Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Bandung: Karya Cv, 1993).
- Mahayudin Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998).
- Makmur Harun, Firman & Muhammad Yafri Yahya, *Abms3203 Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu*, Buku Panduan Kursus Open University Malaysia (OUM), edisi Pertama, 2016.
- Mir’ah al-Thullab fi Tashil al-Ma’rifat al-Ahkam wal Syari’ah li al-Mulk al-Wahhab al-Kifayah*, MSS 1532, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- Mohd Anuar Ramli *et al.*, “Sumbangan Ulama Melayu Klasik dalam Pembinaan Kearifan Tempatan di Alam Melayu,” *Jurnal Pengajian Melayu*, vol. 27 (2016), 185-196.
- Mohd Daud Bakar, “Usul Al-Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan dalam Pengajian Syariah,” dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Ab. Majid *et al.* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001).

- Mohd Puaad Abdul Malik & Rahimin Affandi Abd. Rahim, Kertas Kerja “*Kitab Jawi dan Pengilmuan Masyarakat Melayu*,” (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Lingustik dan Bahasa Melayu, Hotel Perdana Kelantan, 2018).
- Mubarakfuri S.R, *al-Rahiq al-Makhtum: Bahth fi al-Sirah al-Nabawiyah* (Tanta: Dar al-Bashir, 1987).
- Muhammad Abu Bakar, “Pendirian dan Pembangunan: Islamisasi dan Isu-Isu Semasa dengan Rujukan kepada Tugas Generasi Ulul Albab dalam Abad Ke-21”, dalam *Islam dan Masyarakat Maju* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 39-48.
- Muhammad Bukhari Lubis *et.al.*, *Tulisan Jawi Sehimpun Kajian* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2006).
- Muhammad Kamal Hasan, *Intellectual Discourse at The End of the Second Millenium Concerns of a Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur, UIAM, 2001.
- Najahudin Lateh *et al.*, *Tematik Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furu’ al-Masail dan Bahr al-Madhi*” Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, 2013.
- Noor Naemah Abdul Rahman, “Pengajaran Kursus Usul Al-Fiqh Peringkat Ijazah Dasar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Pengalaman dan Penilaian,” *Jurnal Syariah*, vol. 14, no. 1 (2006), 143.
- Nurdin AR, “Penggalian dan Inventarisasi 1000 Judul Naskah Melayu di Banda Aceh,” *Jurnal CMES*, vol. X, edisi Julai (2017), 170-179.
- Oman Fathurrahman, *Filologi dan Islam Indonesia* (Jakarta: Puslitbang Lektor Keagamaan, Kementerian Agama RI, 2010).
- Omar Awang, “The Trengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet,” *Federation Museums Journal* (1980).

- Portal Berita Utusan Malayisa, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=1204&pub=utusan_malaysi&sec=Bibicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hivehttp://www.nu.or.id/post/read/76330/fiqih-AlamMelayu-abad-ke-18-m-karya-faqih-jalaluddin-aceh
- Portal Rasmi Perpustakaan Negara, <http://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/88>, tarikh capaian 5 Disember 2016.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim *et al.*, “Warisan Karya Ulama Melayu-Islam Silam dan Kaitannya dengan Pengajian Moral di Zaman Moden,” *Jurnal Usuluddin*, bil. 27 (2008), 170-189.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, “al-Quran dan Peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu” dalam *Warisan al-Quran Peradaban Manusia* ed. Mohd Radzi Othman *et al.* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2005), 20-28.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, *Pengamalan Ilmu Usul al-Fiqh di dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisis*, Seminar Kesusasteraan dan Undang-Undang, Kuala Lumpur (2001).
- Rahmah Ahmad H. Osman Mohd Shahrizal Nasir, “Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd Affandi Hassan dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi,” *Jurnal e-Utama*, vol. 3 (2011).
- Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Umur al-Din*, MS 554, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Umur al-Din*, MSS 1135, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Umur al-Din*, MSS 2252, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

- Salsabil Haji Mohd Zain, Mustaffa Abdullah, Muhammad Alihanafiah Norasid “Penulisan Manuskrip Jawi di Alam Melayu: Satu Tinjauan Historis” dalam *Islam dan Ketamadunan Melayu Sumbangan ke Arah Kemajuan Sejagat*, vol. 1, ed. Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad (Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 236-237.
- Shafie Abu Bakar, “Keilmuan Islam dan Tradisi Pengajian Pondok,” dalam *Budi Kencana* (Kuala Lumpur, 1994), 93-94.
- Sirat al-Mustaqim* MSS 3786, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Sirat al-Mustaqim*, MSS 144, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sullam al-Mubtadi*, MS 27, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta’yīd Tadhkirah Muttabi’ al-Sunnah fi al-Rad ‘Ala al-Qa’il bi Sunniyyah Rak’atain Qabl al-Jum’ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1990).
- Wahidah, “Studi Naskah Fikih Melayu (Risalah Is’af al-Raghibin fi ‘Ilmi al-Faraidh) karya Jad Ahmad Mubarak,” *AL-BANJARI*, vol. 19, no. 1 (2019), 25-48.
- Wan Kamal Nadzif Wan Jamil, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi, “Manhaj Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Penulisan Hadis: Tumpuan Kepada Kitab Jawi Sabil al-Muhtadin,” (Kertas kerja, Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, 2010).
- Wan Mohd Nor Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).

- Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Penutup Perdebatan Islam Alaf Kedua di Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2010).
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud al-Fathani Pengarang Ulung Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 2018).
- William Girdlestone Shellabear, *Sejarah Melayu* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1975).
- Zurita Mohd Yusoff *et. al.*, “Tok Pulau Manis: Pioneer of Fiqh Writings in the Malay Peninsular,” *Asian Social Science*, vol. 11, no. 1 (2015), 87-89.

